

09 OCT 1999

Gan-Rampas

BN YAKIN TAWAN PARLIMEN KOTA MELAKA

MELAKA, 9 Okt (Bernama) -- MCA Melaka percaya usaha merampas kerusi Parlimen Kota Melaka, yang dianggap sebagai kubu kuat DAP, sebagai bukan perkara mustahil walaupun ia dianggap demikian oleh banyak pihak.

Pengerusinya Datuk Wira Gan Boon Leong berkata keyakinan itu adalah bersandarkan kepada faktor bahawa para pengundi sekarang lebih matang dan tidak lagi terpengaruh oleh sentimen atau isu-isu.

"Kita akan menawarkan perkara-perkara asas kepada para pengundi iaitu perkhidmatan, kemudahan infrastruktur, perumahan dan bantuan sosial serta pendidikan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jentera pilihan raya BN Parlimen Kota Melaka.

Gan, yang juga Anggota Exco kerajaan negeri, baru dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penyelarasan jentera pilihan raya berkenaan.

Gan berkata faktor sentimen atau isu yang dimainkan oleh pembangkang, terutama mengenai nasib bekas anggota parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng yang dipenjarakan kerana kesalahan menghasut, tidak akan menjadi penghalang.

"Kita akui ia akan dijadikan isu oleh DAP bagi meraih undi simpati etapi pengundi yang matang boleh membezakan antara calon parti yang boleh berkhidmat dan calon yang makan gaji buta," katanya.

Beliau berkata para pengundi di kawasan parlimen itu telah memberi peluang kepada pembangkang selama 30 tahun mewakili mereka dan sebenarnya mereka telah kerugian peruntukan sebanyak RM15 juta sepanjang tempoh itu.

Gan berkata peruntukan tahunan RM500,000 bagi anggota Parlimen BN telah disia-siakan oleh pengundi kawasan parlimen berkenaan kerana memilih calon pembangkang.

"Sekarang mereka cuba jadikan bekas anggota Parlimen Kota Melaka sebagai hero tetapi hanya penyokong Guan Eng sahaja yang menganggapnya sebagai hero," katanya.

Menurutnya MCA mungkin akan meletak seorang calon wanita bertanding di satu daripada empat kerusi dewan undangan negeri di kawasan Parlimen itu.

BN memenangi dua kerusi iaitu DUN Alai dan DUN Duyong pada pilihan raya 1995 dan yakin mempertahankannya pada pilihan raya kali ini.

"Dua kerusi itu adalah selamat...kita nampak harapan cerah merampas DUN Tengkeru dan peluang 50-50 bagi DUN Bandar Hilir dan juga DUN Durian Daun selain kerusi parlimen," katanya.

Gan berkata strategi MCA menarik undi wanita telah lama digerakkan dan sehingga ini seramai lapan cawangan MCA yang dianggotai sepenuhnya oleh kaum wanita telah dapat ditubuhkan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Umno Kota Melaka Datuk Amid Nordin berkata kerjasama antara parti komponen adalah mantap dan berkesan menangani isu-isu yang dimainkan oleh pembangkang terutama isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata isu itu pada mulanya agak hangat dan didapati mempengaruhi sentimen pengundi Melayu tetapi sekarang semakin malap kerana pengaruh PAS dan Keadilan di sini adalah kecil.

--BERNAMA

MOZ NAK